

## KEMPEN TRADE 2 WIN

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

#### Definisi:

**“Bank”** bermaksud Hong Leong Bank Berhad (**“HLBB”**) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (**“HLISB”**).

**“Pelanggan”** bermaksud pelanggan Bank (khususnya, termasuk syarikat swasta dan syarikat tersenarai awam yang diperbadankan di Malaysia/perkongsi/pemilikan tunggal dengan kemudahan perdagangan dengan Bank) yang layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini. Pelanggan tidak perlu mendaftar untuk menyertai Kempen ini. Pelanggan yang mana kemudahan perdagangan telah disenaraikan sebagai Pinjaman Terjejas (NPL/NPF) atau pinjaman/pembiayaan tertunggak (PDB) pada waktu pemilihan oleh Bank tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

**“Kempen”** bermaksud Kempen Perdagangan FY17/18 – **“Trade 2 Win”** dan termasuk sebarang variasi atau pindaan kepadanya yang mungkin dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa.

**“Tempoh Kempen”** bermaksud 2 Oktober 2017 sehingga 30 Mac 2018 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) melainkan jika diberitahu sebaliknya.

**“Produk Dagangan Layak”** bermaksud

- 1) Semua Surat Kredit (**“LC”**) dan Surat Kredit-i (**“LC-i”**) (kedua-dua kemudahan dalam Konvensional dan Islam)
- 2) Semua Produk Pembiayaan Perdagangan yang termasuk:
  - (a) Semua Penerimaan Jurubank (**“BA”**) dan Penerimaan Jurubank (**“AB-i”**) (kedua-dua kemudahan dalam Konvensional dan Islam)
  - (b) Semua Pembiayaan Invois (**“IVF”**) dan Pembiayaan Invois-i (**“IVF-i”**) (kedua-dua kemudahan dalam Konvensional dan Islam)
  - (c) Semua Resit Amanah (**“TR”**) dan Resit Amanah-i (**“TR-i”**) (kedua-dua kemudahan dalam Konvensional dan Islam)
  - (d) Semua Pinjaman Mata Wang Asing Dalam Negara (**“OFCL”**) (kemudahan dalam Konvensional sahaja)
  - (e) Semua Pembelian Bil Pertukaran Domestik (**“DBEP”**) dan/atau Pembelian Bil Pertukaran Domestik (Kuasa untuk Membeli) [**“DBEP(AP)”**] (kemudahan dalam Konvensional sahaja)
  - (f) Semua Pembelian Bil Pertukaran Asing (**“FBEP”**) dan/atau Pembelian Bil Pertukaran Asing (Kuasa untuk Membeli) [**“FBEP(AP)”**] (kemudahan dalam Konvensional sahaja)

- (g) Semua Pendahuluan Perdagangan – Pembiayaan Sebelum Penghantaran (“**AAT-Pre**”) dan/atau Pendahuluan Perdagangan – Pembiayaan Selepas Penghantaran (“**AAT-Post**”) (kemudahan dalam Konvensional sahaja)
- (h) Semua Pembiayaan Semula Kredit Eksport Sebelum Penghantaran (“**ECR-Pre**”) dan/atau Pembiayaan Semula Kredit Eksport Selepas Penghantaran (“**ECR-Post**”) (kemudahan dalam Konvensional sahaja)

“**Baucar Tunai**” bermaksud setiap baucar tunai dalam Ringgit Malaysia seperti dinyatakan dalam Jadual 1 & Jadual 2 di bawah yang dikeluarkan oleh Pedagang yang Terlibat dan diberikan oleh Bank sebagai hadiah dalam Kempen ini.

“**Pedagang yang Terlibat**” ialah seseorang individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan membekal barangan dan/atau perkhidmatan dan yang mana baucar tunainya diberikan sebagai hadiah dalam Kempen ini.

“**RM**” bermaksud “Ringgit Malaysia”.

**(A) Kaedah Kempen**

Untuk menyertai Kempen ini, pelanggan dikehendaki melaksanakan dan memenuhi kriteria berikut:-

(1) Surat Kredit (LC) dan/atau Surat Kredit-i (LC-i):

- (a) Peningkatan sebanyak minimum 10% nilai transaksi purata bulanan LC atau LC-i dalam Ringgit Malaysia (atau setara dengannya seperti dinasihati oleh Bank jika transaksi adalah dalam mata wang asing) berbanding dengan tempoh yang sama sebelumnya dari Oktober 2016 hingga Mac 2017; dan
- (b) Purata bulanan nilai transaksi LC dan/atau LC-i dalam Ringgit Malaysia (atau setara dengannya seperti dinasihati oleh Bank jika transaksi adalah dalam mata wang asing) semasa tempoh Kempen boleh mendapat Baucar Tunai mengikut dasar bertingkat seperti yang dinyatakan di bawah (Jadual 1), (i.e. semakin tinggi nilai LC dan/atau LC-i yang dikeluarkan oleh Bank, semakin tinggi ganjaran).

Untuk tujuan ini, permohonan LC/LC-i terhad kepada pengeluaran sahaja dan tidak termasuk sebarang permohonan pindaan.

Jadual 1

Tingkat	Purata Bulanan Nilai Transaksi dalam RM* Semasa Tempoh Kempen	Baucar Tunai (RM)
1	RM 500ribu to < RM 1.0juta	200
2	RM 1.0juta to < RM 2.5juta	350
3	RM 2.5juta to < RM 4.0juta	500
4	RM 4.0juta to < RM 5.0juta	750
5	=> RM 5.0juta	1,500

\*atau setara dengannya jika dalam mata wang asing

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Baucar Tunai dalam Jadual 1 di atas dihadkan kepada nilai tunai maksimum **RM1,500.00 sahaja**.

ATAU

(2) Produk Pembiayaan Perdagangan

- (a) Peningkatan bersih sebanyak minimum 10% dalam jumlah Produk Pembiayaan Perdagangan (jumlah permohonan untuk pengeluaran tolak jumlah penyelesaian) dalam nilai transaksi Ringgit Malaysia (atau setara dengannya seperti dinasihati oleh Bank jika transaksi adalah dalam mata wang asing) berbanding dengan tempoh yang sama sebelumnya dari Oktober 2016 hingga Mac 2017; dan
- (b) Purata bersih (jumlah permohonan untuk pengeluaran tolak jumlah penyelesaian) nilai transaksi dalam Ringgit Malaysia (atau setara dengannya seperti dinasihati oleh Bank jika transaksi adalah dalam mata wang asing) untuk jumlah Produk Pembiayaan Perdagangan semasa tempoh Kempen boleh mendapat Baucar Tunai mengikut dasar bertingkat seperti yang dinyatakan di bawah (Jadual 2), (i.e. semakin tinggi nilai transaksi

pembiayaan perdagangan yang diserahkan dan dibiayai oleh Bank, semakin tinggi ganjaran).

Jadual 2

Tingkat	Purata Bersih Nilai Transaksi dalam RM* Semasa Tempoh Kempen	Baucar Tunai (RM)
1	RM 500ribu to < RM 1.0juta	200
2	RM 1.0juta to < RM 1.5juta	300
3	RM 1.5juta to < RM 3.0juta	500
4	=> RM 3.0juta	1,000

\*atau setara dengannya jika dalam mata wang asing

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Baucar Tunai dalam Jadual 2 di atas dihadkan kepada nilai tunai maksimum **RM1,000.00 sahaja**.

### **Hadiah Utama**

Walau apa pun dan tidak terhad kepada syarat-syarat di atas, Pelanggan yang mendapat baucar tunai ("Pemenang") juga berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama berikut:-

- (i) Surat Kredit (LC) dan/atau Surat Kredit-i (LC-i):  
Pemenang daripada setiap Segmen Perniagaan [iaitu Pembiayaan Berstruktur (CSF), Komersial (CSME) dan Kumpulan Perusahaan Kecil dan Sederhana (GSME)] dalam HLBB/HLISB dengan jumlah nilai transaksi tertinggi untuk LC atau LC-i (tertakluk kepada jumlah minimum amaun sebanyak RM30 juta sepanjang enam (6) bulan Tempoh Kempen) akan memenangi **Hadiah Utama** tambahan **BAUCAR TUNAI RM2,500.00**.
- (ii) Produk Pembiayaan Perdagangan  
Pemenang daripada setiap Segmen Perniagaan [iaitu Pembiayaan Berstruktur (CSF), Komersial (CSME) dan Kumpulan Perusahaan Kecil dan Sederhana (GSME)] dalam HLBB/HLISB dengan jumlah nilai transaksi tertinggi untuk Produk Pembiayaan Perdagangan (tertakluk kepada jumlah minimum amaun sebanyak RM30 juta sepanjang enam (6) bulan Tempoh Kempen) akan memenangi **Hadiah Utama** tambahan **BAUCAR TUNAI RM2,500.00**.

### **(B) Tuntutan Ganjaran**

1. Selepas tamat Tempoh Kempen, Bank akan memaklumkan Pemenang dengan jumlah nilai RM Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama yang dimenangi (jika ada) dan Pemenang dikehendaki memaklum Bank secepat mungkin (dalam notis bertulis atau cara lain yang ditentukan oleh Bank) tentang pilihan Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama daripada pelbagai Pedagang yang Terlibat. Selepas itu, Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama akan disediakan untuk tuntutan atau penghantaran kepada Pemenang pada alamat terkini mereka dalam rekod Bank tidak lewat daripada dua (2) bulan selepas tamat Tempoh Kempen melainkan Bank gagal berbuat demikian atas keadaan yang tidak diduga atau sebab yang di luar kawalan Bank. Di samping itu, Pemenang juga mungkin tidak dapat menerima Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama yang dipilih atas pelbagai pemilihan atau sebab-sebab lain.

2. Bank akan memaklumkan Pemenang pada bila-bila masa sama ada semasa atau selepas Kempen jika Bank tidak dapat memproses atau menyediakan Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama. Bank berhak mengganti Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama dengan hadiah lain yang setara nilai mengikut budi bicara mutlaknyanya semasa atau selepas Kempen.
3. Semua Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama yang tidak dituntut oleh Pemenang pada **30 June 2018** (i.e. tiga (3) bulan selepas tamat Tempoh Kempen) akan dianggap batal dan ditarik balik dan Pemenang tidak akan layak untuk sebarang hadiah penggantian atau bayaran balik wang tunai.
4. Semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan tuntutan atau penghantaran (mengikut arahan Pemenang) Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama hendaklah ditanggung oleh Pemenang dan jumlah kos dan perbelanjaan dimaklumkan oleh Bank adalah muktamad.

### **(C) Penggunaan Ganjaran**

1. Nilai denominasi Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama daripada pelbagai Pedagang yang Terlibat akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya.
2. Penggunaan Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dan tempoh sah yang tertera padanya. Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama yang tidak ditebus atau diguna (sama ada secara penuh atau separa) dalam tempoh sah ternyata adalah tidak sah dan penggantian, penukaran atau bayaran balik wang tunai tidak akan diberi kepada Pemenang oleh Bank atau Pedagang yang Terlibat.
3. Sebarang pertikaian berkenaan penggunaan Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama harus diuruskan di antara Pemenang dengan Pedagang yang Terlibat yang mengeluarkan Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama, tanpa merujuk kepada Bank.
4. Jikalau amaun ternyata dalam Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama (dalam Ringgit Malaysia) dan Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama tersebut diguna untuk nilai yang lebih kurang daripada amaun yang dinyatakan, bakinya adalah tidak boleh ditukar kepada tunai atau dikembalikan. Sebaliknya, jika Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama tersebut diguna untuk nilai yang lebih daripada amaun tersebut, perbezaannya yang melebihi akan dijelaskan oleh Pemenang kepada Pedagang yang Terlibat masing-masing.
5. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti Baucar Tunai dan/atau Hadiah Utama yang dituntut oleh Pemenang sekiranya berlaku kehilangan, kecurian, kerosakan atau keluputan tempoh selepas tuntutan oleh Pemenang atau penghantaran kepada Pemenang.
6. Baucar Tunai termasuk Hadiah Utama untuk Kempen ini tertakluk kepada had jumlah ganjaran sebanyak RM134,500.00 sahaja untuk semua Produk Dagangan Layak.

### **(D) Syarat-Syarat Am**

1. Kempen ini berlangsung pada 2 Oktober 2017 sehingga 30 Mac 2018 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut)

2. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan hendaklah melaksanakan sebarang transaksi Produk Dagangan Layak dengan Bank semasa Tempoh Kempen selaras dengan mekanisme Kempen yang dinyatakan di atas.
3. Walau apa pun dan tidak terhad kepada syarat-syarat di atas, jika mana-mana perkara atau situasi berikut terjadi kepada Pelanggan sebelum atau semasa Tempoh Kempen, Pelanggan tidak akan layak mengambil bahagian dalam Kempen atau dibatalkan kelayakannya dalam Kempen:
  - (a) Kemudahan dagangan Pelanggan telah disenaraikan sebagai Pinjaman Terjejas (NPL/NPF);
  - (b) Pelanggan yang kemudahan pinjaman/kredit dan/atau pembiayaan dengan Bank (termasuk tetapi tidak terhad kepada overdraf/cashline, kredit pusingan, sewa beli, pinjaman/pembiayaan berjangka dan/atau sebarang kemudahan dagangan) telah menjadi lewat atau tertunggak atau sebarang bayaran/bayaran balik tidak dapat dijelaskan pada tarikh matang yang ditetapkan.
  - (c) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan yang berkaitan dengan sebarang kemudahan dan akaun yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
4. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan berjanji dan bersetuju tanpa syarat seperti berikut:
  - (a) Untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan yang mungkin dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa.
  - (b) Untuk melindungi dan memastikan Bank tidak terancam dengan sebarang tindakan, dakwaan, kerugian, kerosakan dan liabiliti yang berbangkit daripada Pelanggan yang menyertai Kempen ini.
  - (c) Untuk bekerjasama dan memberi maklumat apabila diminta oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.
  - (d) Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelumnya melalui laman web korporat kami di ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my)) atau mana-mana saluran atau saluran lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
  - (e) Pelanggan tidak layak menuntut sebarang pampasan terhadap Bank atas sebahagian atau semua kerugian, kerosakan, tindakan, tuntutan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan sama ada sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pindaan, pembatalan, pemberhentian atau penggantungan Kempen ini.
  - (f) Keputusan dan rekod Bank mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen adalah muktamad.

- (g) Bank berhak meminda dan menukar rekod transaksi berkenaan dengan Produk Dagangan Layak bagi tujuan membetulkan sebarang kesilapan atau ketidaktepatan rekod tersebut.
  - (h) Bank tidak wajib melayani sebarang permintaan daripada Pelanggan atas maklumat atau data berkenaan dengan Kempen ini.
  - (i) Bank berhak mengecualikan Pelanggan daripada menyertai Kempen ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis awal atau sebab, sama ada Pelanggan tersebut memenuhi kriteria kelayakan atau tidak.
5. Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan Purata Bulanan Nilai Transaksi dan/atau Purata Bersih Nilai Transaksi Pelanggan dari Oktober 2016 – Mac 2017 (tempoh sepadan yang sebelumnya), Pelanggan boleh menghubungi kakitangan Jualan Dagangan Bank.
6. Terma-terma dan syarat-syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.